



TERBITAN RASMI
MAJLIS BANDARAYA
PASIR GUDANG

BERITA DYNAMIC PASIR GUDANG

EDISI KEEMPAT
2023

04

OKTOBER - DISEMBER 2023

ربيع الأول 1445 هـ - جمادى الآخرة 1445 هـ

TEMASYA ULANG TAHUN MBPG 2023

Berlangsung Meriah



OLEH
YB DATO' ASMAN SHAH
DATUK BANGSA
MAJLIS BANDARAYA



Edisi Digital

9 | Sambutan Perayaan Deepavali
Peringkat Pasir Gudang

30 | Program Hari Kesehatan Wanita 2023
Anjuran Puspanita MBPG

BERITA
MENARIK
DI DALAM

KANDUNGAN MENARIK




M/S **6** MBPG Terima Lawatan Balas
Majlis Bandaraya Ipoh.



M/S **8** Majlis Perasmian Pembukaan
CB Bestari.



M/S **13** Kejohanan Sepak Takraw
Piala Datuk Bandar Pasir Gudang.



M/S **16** MBPG Anjur Program
Hari Kesihatan Mental
Sedunia 2023.

© HAK CIPTA TERPELIHARA

Sidang Redaksi BERITA DYNAMIC PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklum balas. Sila kemukakan kepada:

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
Aras 19, Jalan Bandar,
81700 Pasir Gudang.
Tel : 07-254 7777
Faks : 07- 251 5260
Web : www.mbpbg.gov.my

SIDANG REDAKSI BERITA DYNAMIC PASIR GUDANG

PENAUNG

Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pasir Gudang

PENASIHAT

Encik Mohd Hafiz bin Aliman
Setiausaha

EDITOR

Puan Siti Famziah binti Azman
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

PENGARANG

Puan Nadztasha binti Mohd Puad

PENERBIT

Bahagian Korporat & Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

KONSEP & REKA GRAFIK disediakan oleh PGI Media





MAJLIS PENYERAHAN SIJIL EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MBPG telah menerima Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Malaysia (MAMPU) pada 1 Oktober 2023.

Penerimaan sijil telah diadakan di Pejabat SUK Johor (Unit Korporat dan Kualiti) pada 21 November dan dihadiri oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Induk EKSA MBPG. Sebanyak 5 sijil telah diterima oleh pihak MBPG yang melibatkan 4 sijil Cemerlang (Menara Aqabah, Perpustakaan Awam Pasir Gudang, Muzium Layang-Layang dan Pasir Gudang Kraf) dan 1 sijil Baik (Dewan-Dewan MBPG). MBPG masih mengekalkan pencapaian menjadi PBT pertama negeri Johor yang memperoleh Pensijilan EKSA dari pihak MAMPU.

Semoga dengan pencapaian yang berterusan ini, MBPG mampu menjadi contoh kepada PBT lain, khusus di negeri Johor dan amnya di Malaysia dalam melaksanakan dan terus menjayakan EKSA di peringkat organisasi.

Syabas dan tahniah diucapkan atas pencapaian ini.



SIJIL SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (ABMS)

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Pelaksanaan kearah Permohonan Pensijilan Pelan Sistem Pengurusan Anti Rasuah atau nama singkatannya ABMS telah bermula pada Februari 2023.

MBPG merupakan PBT Johor pertama yg memperolehi pensijilan Anti Rasuah bagi semua fungsi yang dilaksanakan di MBPG, tanpa pengecualian oleh mana-mana jabatan, bahagian dan unit di dalam pelaksanaan ABMS. Sijil ini telah diterima dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 15 November 2023.

Seterusnya Majlis Penyampaian Sijil Pelan Anti Rasuah (ABMS) telah disempurnakan pada 25 November 2023 bersempena Majlis Perasmian Temasya Bandar Raya Pasir Gudang oleh Yang Berbahagia, Puan Nur Fadhilah binti Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM QAS International Sdn. Bhd. kepada Yang Berhormat Datuk Bandar Pasir Gudang sambil disaksikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Azmi bin Haji Alias, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Majlis Bandaraya Pasir Gudang atas pencapaian ini.

PROGRAM GOTONG-ROYONG SEMPENA JOHOR BERSIH 2.0 TAMAN KOTA MASAI

Jabatan Kesihatan Awam Persekitaran dan Pelesenan

dengan kerjasama wakil daripada Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru serta wakil-wakil penduduk telah melaksanakan Program Gotong-Royong Sempena Johor Bersih 2.0 di Jalan Nenas 1 hingga Jalan Nenas 8, Taman Kota Masai pada 3 Disember 2023. Seramai 60 orang peserta telah hadir menyertai aktiviti tersebut.

Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk menyuntik semangat dan menyemai kesedaran kepada orang awam untuk sentiasa cakna tentang kebersihan persekitaran mereka dengan melakukan kerja-kerja pembersihan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan kawasan mereka bebas daripada sebarang pembiakan haiwan perosak dan serangga terutamanya nyamuk aedes.





LAWATAN PENANDA ARAS EKSA MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menerima lawatan kerja Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) daripada delegasi Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) melibatkan 35 orang pegawai. Delegasi telah diketuai oleh Tuan Shahrulizam bin Abdul Rashid selaku Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

Sesi taklimat EKSA dipengerusikan oleh Encik Abdul Malek bin Mohamed, Timbalan Setiausaha MBPG yang turut berkongsi mengenai pelaksanaan gerak kerja EKSA yang diamalkan oleh Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Bagi memberi pendedahan fizikal semasa lawatan, delegasi turut diberi peluang berkunjung ke 4 Zon EKSA antaranya Zon Zikronium (Jabatan Penguatkuasaan), Zon Suasa (Unit Pengurusan Kontrak), Zon Niobium (Jabatan Perancang Bandar dan Landskap) dan Zon Kromium (Perpustakaan MBPG).

Turut hadir mengikuti taklimat EKSA adalah Ketua atau wakil Zon, Ahli Jawatankuasa Induk EKSA dan Juruaudit EKSA.

Semoga melalui lawatan pada hari ini dapat memberikan informasi dan pendedahan mengenai pelaksanaan EKSA dan seterusnya memudahkan permohonan pensijilan bagi pihak delegasi.



MBPG TERIMA LAWATAN BALAS MAJLIS BANDARAYA IPOH

Bertarikh 4 Oktober 2023 yang lalu, Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menerima kunjungan dari Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) sebagai lawatan balas yang diadakan oleh MBPG pada 10 hingga 13 Julai 2023 yang lalu.

Delegasi telah diketuai oleh YBhg. Tuan Haji Musa bin Dun selaku Pengarah Kanan (Pentadbiran dan Operasi) Majlis Bandaraya Ipoh dan turut disertai oleh wakil-wakil dari pihak MBI, ANULAE, PADUAN dan KPPKKT. Delegasi telah diberi peluang untuk melawat Galeri Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Kebun Komuniti Taman Mawar, tapak 'SMART BIN' dan Santuari Sarang Buaya Tembaga.

Bertempat di Dewan Cempaka Aras 20 Menara Aqabah, sesi taklimat telah dipengerusikan oleh Encik Abdul Malek bin Mohamed, Timbalan Setiausaha MBPG. Objektif lawatan yang memfokuskan perkongsian amalan '*best practices*' di Majlis Bandaraya Pasir Gudang melalui perkongsian ilmu yang melibatkan beberapa jabatan, antaranya Jabatan Perancang Bandar dan Landskap, Jabatan Bangunan dan Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial.

Semoga melalui lawatan ini, MBPG akan sentiasa menjalin kerjasama dan hubungan baik yang berterusan bersama MBI bagi meneruskan kecemerlangan dalam memacu pentadbiran di organisasi masing-masing.





SESI RAMAH MESRA KOMUNITI

Bersama

DATUK BANDAR PASIR GUDANG BIL. 2/2023

Merupakan siri ke-2 bagi tahun 2023, program ini merupakan satu program tahunan yang dianjurkan di bawah Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan (JKKP), MBPG. Bagi penganjuran kali ini, diadakan bertempat di Amansari Residence Resort, Bandar Seri Alam, Masai pada 26 November 2023 dan dihadiri seramai 180 orang terdiri dari wakil Jawatankuasa Penduduk, wakil Jabatan, Bahagian dan Unit MBPG, peserta-peserta program usahawan serta Ahli-Ahli Majlis MBPG.

Program dimulakan dengan sesi taklimat Kesedaran Undang-Undang oleh Encik Nurazam bin Razali, Ketua Bahagian Undang-Undang MBPG, seterusnya perkongsian ilmu oleh penceramah jemputan, Yang Berbahagia, DSP Dr. Mohd Roslan bin Mohd Tahir, Timbalan Ketua Polis, Daerah Seri Alam.

Majlis turut meraikan Penyampaian Anugerah Khas Usahawan Jutawan yang dimenangi oleh Puan Nadia binti Muhd Fuzi yang membawa pulang hadiah bernilai RM2,000.00. Sesi akhir program merupakan acara yang dinantikan oleh penduduk serta peserta yang hadir iaitu sesi dialog bersama Yang Berhormat Datuk Bandar. Antara pengisian sesi dialog ini ialah; memberi maklumat tentang program dan projek yang telah dilaksanakan, sedang dan akan dilaksanakan oleh MBPG untuk masyarakat di sekitar Pasir Gudang, mengadakan perbincangan dan penerangan bersama agensi berkaitan berkenaan isu semasa yang membabitkan kawasan Pasir Gudang juga menjadi medium untuk MBPG mendapatkan maklumbalas dan pandangan serta komunikasi dua hala antara wakil-wakil penduduk dan kepimpinan tempatan.

Sesi Ramah Mesra yang dianjurkan ini juga membuktikan keperhatian dan memastikan MBPG sentiasa peka dalam mengutamakan keperluan penduduk demi kesejahteraan hidup komuniti Pasir Gudang selain dapat menjalin dan mengeratkan lagi perhubung baik antara MBPG sebagai pentadbir Pasir Gudang dengan pelbagai lapisan masyarakat di bawah pentadbirannya.

Program berakhir kira-kira jam 2.00 petang.





Perasmian Pembukaan CB BESTARI



Majlis Perasmian Pembukaan CB Bestari diadakan bertempat di Perpustakaan Kampung Cahaya Baru pada 22 November 2023 dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman. CB Bestari dibangunkan sebagai sebuah pusat komuniti pintar cetusan daripada salah satu projek di bawah Pelan Strategik Majlis Bandaraya Pasir Gudang 2021-2025. Mempunyai kemudahan internet, ruang belajar, *Library Cafe* dan pusat aktiviti pastinya memberikan ruang yang selesa buat para pengunjung.

Turut hadir dalam majlis ini ialah, Ahli Majlis Bahagian Parlimen Tebrau, Puan Hajah Rap'enh binti Ali, Pemangku Setiausaha, Tuan Haji Nor Rahman bn Mustafa, Penghulu Mukim Plentong, Encik 'Afi Bin Mohd Adzhar dan wakil Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Gudang. Semoga melalui pelaksanaan inisiatif ini dapat memperkasakan komuniti yang sejahtera dan lestari.

Majlis bacaan Yassin, Tahlil dan Doa Selamat juga telah dianjurkan sempena perasmian CB Bestari pada 9 November 2023 yang lalu. Majlis ringkas ini telah dipimpin oleh Encik Abdul Quddus bin Salam, pegawai di Jabatan Khidmat Pengurusan dengan dihadiri oleh Tuan Haji Abdul Malek bin Mohamed selaku Timbalan Setiausaha bersama ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit serta pegawai-pegawai MBPG.

**Tahukah
Anda?**

KERJA-KERJA pembinaan bangunan CB Bestari bermula pada 19 Jun 2022 dan siap sepenuhnya pada 2 Januari 2023. CB Bestari yang mempunyai keluasan 363 meter persegi merangkumi ruang membaca kanak-kanak, ruang membaca dewasa, bilik komputer, pejabat, surau dan tandas. Suasana kondusif dan santai pastinya dapat memberi keselesaan kepada pengunjung yang hadir. CB Bestari kini sudah mula beroperasi dan dibuka kepada semua pengunjung tanpa mengira peringkat umur.

Sambutan PERAYAAN DEEPAVALI PERINGKAT PASIR GUDANG



Sambutan Perayaan Deepavali yang juga dikenali sebagai Pesta Cahaya sentiasa disambut meriah setiap tahun di kalangan penganut hindu di Malaysia.

Tidak terkecuali di Pasir Gudang, sambutan perayaan ini telah dianjurkan bertempat di Dewan Muafakat Taman Sierra Perdana pada 19 November 2023 dengan dihadiri oleh kira-kira lebih daripada 300 orang penduduk dan jemputan yang hadir. Pelbagai persembahan kebudayaan yang menarik dengan pelbagai bangsa dan budaya telah dipersembahkan sempena sambutan perayaan ini.

YB Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar, MBPG berkesempatan bersama-sama meluangkan masa hadir menyantuni majlis. Tetamu lain yang turut hadir memeriahkan majlis adalah YB Tuan Haji Azizul bin Haji Bachok, ADUN Tiram, Encik Krishnan Muniandy dan Encik Mahendran Subramaniam, Ahli Majlis MBPG serta Penghulu Mukim Plentong dan Ketua Kg. Kuala Masai.



Perpaduan Teras Malaysia Madani

TEMA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1445H

Sahabat Umar Bin Khatthab berkata :

مَنْ عَظَّمَ مَوْلِدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَدْ أَحْيَا الْإِسْلَامَ

"Barang siapa yang memuliakan (memperingati) kelahiran Nabi S.A.W, bererti telah menghidupkan Islam"

Dalam menyemarakkan dan melahirkan rasa cinta kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., MBPG telah menganjurkan Sambutan Maulidur Rasul 1445H Peringkat Pasir Gudang pada 7 Oktober 2023 bertempat di Masjid Bandar Seri Alam. Sebanyak 29 kontigen terdiri daripada 1,016 peserta mewakili jabatan kerajaan, agensi swasta, institut pengajian tinggi, sekolah-sekolah, jawatankuasa zon, kampung, masjid dan surau mengambil bahagian dalam sesi perarakan bagi tahun ini.

Seterusnya, majlis telah dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Yang Berbahagia Imam Masjid Bandar Seri Alam dan diteruskan dengan bacaan Tadarus Al-Quran oleh qari jemputan. Sesi perkongsian ilmu dan ceramah telah disampaikan oleh Yang Berbahagia As Sheikh Haji Halid bin Haji Sono, Kadi Besar Negeri Johor.

Manakala majlis penyampaian sumbangan kepada Masjid Bandar Seri Alam dan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi pertandingan perarakan dan kompiang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Fared bin Haji Mohd Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor dengan diiringi oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Semoga melalui penganjuran program ini, akan terus menyuburkan dan menanam perasaan cinta dan kasih akan junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W. yang bukan sahaja mencintai malah mengamalkan sunnah dan amalan Baginda dalam melahirkan generasi muda yang berakhlak mulia dan tinggi budi pekerti.



20 EKOR ANAK BUAYA DISERAH KEPADA

TAMAN BUAYA DAN REKREASI MELAKA



Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah membuat penyerahan stok anak Buaya Tembaga kepada Taman Buaya & Rekreasi Melaka pada 4 Oktober 2023 bertempat di Santuari Sarang Buaya Pasir Gudang, setelah mendapat kebenaran dari pihak PERHILITAN.

Penyerahan 20 ekor anak Buaya Tembaga telah disempurnakan oleh Encik Abdul Malek bin Mohamed, Timbalan Setiausaha MBPG kepada Encik Ahmad Syarifuddin bin Mohamad selaku Pengurus Besar, Taman Buaya & Rekreasi Melaka serta disaksikan oleh Pegawai Hidupan Liar, Encik Dana Raj A/L Shanmugam.

Bilangan anak buaya yang berlebihan dan tiada tempat bersesuaian di Santuari Sarang Buaya Pasir Gudang telah memberikan peluang kepada Taman Buaya & Rekreasi Melaka bagi mendapatkan dan menambah bilangan anak Buaya Tembaga dari MBPG. Ia juga dapat mengatasi kekurangan jumlah anak Buaya Tembaga yang ditempatkan di taman buaya tersebut.



PROGRAM LATIHAN INTENSIF PENYAMPAI RADIO MBPG BERSAMA SUARA JOHOR SDN. BHD.



Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menganjurkan satu program Latihan Intensif Penyampai Radio MBPG bersama Suara Johor Sdn. Bhd. (Best FM) bertempat di Lotus Seaview Beach Resort, Pengerang, Johor pada 17 hingga 19 November 2023. Sesi Latihan telah disertai seramai 7 orang penyampai radio MBPG dan dikendalikan oleh Encik Rizal bin Sahimy selaku Pengarah Urusan, Suara Johor Sdn. Bhd.

Antara pengisian Latihan selama 3 hari ini merangkumi pengenalan kepada radio, 'DNA' Radio Dynamic Pasir Gudang, Personaliti penyampai radio Radio Dynamic Pasir Gudang, penyelenggaraan kandungan bersiaran langsung dan latihan praktikal podcast MBPG.

Semoga melalui latihan intensif yang dijalankan dapat mempersiapkan penyampai radio untuk bersiaran langsung dan menghiburkan hari pendengar serta menjadikan Radio Dynamic Pasir Gudang sebagai medium informasi yang paling dipercayai di kalangan masyarakat Pasir Gudang khususnya.



Majlis Sanjungan Budi

MANTAN TUAN SETIAUSAHA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Encik Mohd Hafiz bin Aliman merupakan Setiausaha Majlis Bandaraya Bandaraya Pasir Gudang yang ketiga dan telah berkhidmat sebagai Tuan Setiausaha di MBPG bermula pada 7 Februari 2021. Selaras dengan peningkatan kerjaya, setelah 2 tahun 8 bulan 25 hari bersama dalam menguruskan pentadbiran MBPG, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor mulai pada 1 November 2023.

Satu Majlis Sanjungan Budi bagi menghargai dan meraikan pertukaran beliau telah dianjurkan pada 6 November 2023 bertempat di *Dynamic Lounge* Aras 4, Menara Aqabah dan turut diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Shah, Datuk Bandar MBPG.

Turut hadir diraikan adalah isteri beliau Yang Berbahagia, Puan Sharifah Amariah binti Ahmad Jailani yang merupakan mantan Timbalan Pengerusi PUSPANITA, Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Gimik *face scan* buat kali terakhir telah disempurnakan oleh Encik Mohd Hafiz di lobi, Aras 1.

Encik Mohd Hafiz bin Aliman dilahirkan pada tanggal 24 Januari 1978. Berlatar belakang Pendidikan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam. Beliau memulakan kerjayanya sebagai penjawat awam pada tanggal 18 Disember 2006. Sebelum ditempatkan di MBPG mulai 7 Februari 2021, beliau pernah dilantik sebagai Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah Kota Tinggi.

Seluruh warga kerja MBPG merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada Encik Mohd Hafiz bin Aliman di atas pelantikan sebagai Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor dan setinggi terima kasih di atas budi dan jasa serta khidmat bakti dan sumbangan yang telah dilakukan sepanjang ditempatkan di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



DYNAMIC SPORT DAY FUN RUN & RIDE

SEMPENA HARI SUKAN NEGARA 2023

Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menganjurkan program *Dynamic Sport Day Fun Run & Ride 2023*, sempena Hari Sukan Negara dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Program Kemampuan Komuniti Bandar (PKKB) pada 14 Oktober 2023 bertempat di Atrium, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

Program dimulakan dengan acara memanaskan badan (*warming up*) selama 10 minit oleh Instruktur Zumba Dauz Don dan taklimat keselamatan oleh Polis Trafik IPD Seri Alam. Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang telah mengetuai Kategori Berbasikal dengan diiringan oleh Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG dan Encik Abd Malek bin Mohammed, Timbalan Setiausaha MBPG.

KEJOHANAN SEPAK TAKRAW PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG



Merupakan Penganjuran Sukan MBPG, kejohanan ini telah menarik hampir 50 penyertaan dari seluruh negeri dan daerah Johor Bahru, bagi edisi penganjuran 2023 ini, terdapat 2 kategori yang dipertandingkan iaitu; Kategori Regu Bawah 18 Tahun (Tertutup Daerah Johor Bahru) dan Kategori Tertutup Johor.

Kejohanan ini telah berlangsung pada 1 dan 2 Disember 2023 bertempat di Dewan Taman Mawar Pasir Gudang. Majlis Perasmian dan gimik kejohanan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Nor Rahman bin Mustaffa, Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang dengan menyerahkan Bola Takraw kepada Ketua Pengadil Encik Abd Razak bin Sarani, Persatuan Sepak Takraw Daerah Johor Bahru sebagai gimik atau simbolik kejohanan telah bermula.

Majlis Penyampaian Hadiah Kategori Bawah 18 Tahun (Tertutup Daerah Johor Bahru) telah disempurnakan oleh Puan Hajah Noorhayati binti Sarmoen, Ketua Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan selaku wakil Rasmi Yang Berhormat Datuk Bandar Pasir Gudang, diiringi oleh Encik Rosyawal Nizam bin Abd Ghaffar Naib Presiden Persatuan Sepaktakraw Negeri Johor selaku Wakil Rasmi Presiden Sepaktakraw Negeri Johor. Turut dihadiri Tuan Haji Zuraimi bin Haji Khamis, Setiausaha Kehormat Persatuan Sepak Takraw Johor.



Berikut adalah senarai pemenang:

Kategori Bawah 18 Tahun (Tertutup Daerah Johor Bahru)

KEDUDUKAN	NAMA PASUKAN	HADIAH
Johan	Budak Flat 'A'	RM1,000.00
Naib Johan	MBPG 'B'	RM500.00
Ketiga Bersama	KST Kemboja Majidee	RM150.00
Ketiga Bersama	Gelang Patah	RM150.00

Manakala Majlis Penyampaian Hadiah Kategori Terbuka (Tertutup Johor) telah disempurnakan oleh Encik Abd Malek bin Mohamed Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang selaku wakil Rasmi Yang Berhormat Datuk Bandar Pasir Gudang, diiringi oleh Puan Hajah Noorhayati binti Sarmoen, Ketua Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan pada 2 Disember 2023 di lokasi yang sama.

Berikut adalah senarai pemenang:

Kategori Terbuka (Tertutup Johor)

KEDUDUKAN	NAMA PASUKAN	HADIAH
Johan	Putra FTA 'A'	RM2,000.00
Naib Johan	Sri Tanjung 'A'	RM1,000.00
Ketiga Bersama	MBPG 'C'	RM500.00
Ketiga Bersama	Sahabat Maharani	RM500.00

Tahniah diucapkan kepada para pemenang.

Majlis pelepasan berbasikal dan larian telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Amin bin Ahmad, Ketua WHIP Ahli Majlis MBPG, Ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Terdapat juga aktiviti menarik antaranya Aktiviti Mewarna, Mini Petting Zoo, Pemeriksaan Kesihatan KKM, Soopa Doopa, Foodtruck, dan Pameran Agensi dari pihak PDRM. Selain itu, program turut dimeriahkan dengan acara Kostum Adiwira dan Cabutan Bertuah. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang.

Kira-kira seramai 600 peserta telah menyertai acara larian sepanjang 5 kilometer manakala seramai hampir 120 peserta menyertai acara berbasikal sepanjang 25 kilometer melibatkan kawasan sekitar Jalan Bandar Pasir Gudang. Pihak MBPG mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini.



KEJOHANAN KARNIVAL Pencak Silat Beradat Antarabangsa PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG 2023 KALI KE-2

Majlis Bandaraya Pasir Gudang dengan kerjasama Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) Daerah Johor Bahru dan Persatuan Pelancongan Pasir Gudang telah menganjurkan Karnival Pencak Silat Beradat Antarabangsa Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2023 bagi tahun ke-2 bermula 19 hingga 22 Disember 2023 bertempat di Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

Karnival ini melibatkan 3 negara iaitu Malaysia sebagai tuan rumah, Indonesia dan Singapura. Sebanyak 20 pasukan dengan penyertaan 596 orang peserta telah menyertai karnival ini yang melibatkan 470 perlawanan.

Bagi kemuncak majlis pula, penyampaian hadiah bagi Juara Keseluruhan Kategori Sukma, Remaja, Pra Remaja, Usia Dini, Tunas Harapan, Pra Tunas Harapan, dan Juara keseluruhan pasukan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Nor Rahman bin Mustaffa, Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang selaku wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang, diiringi oleh Yang Berbahagia Encik Ibrahim bin Mohd Salleh, Pengerusi Persatuan Silat Kebangsaan Daerah Johor Bahru (PESAKA).

Berikut adalah senarai pemenang:

Piala Pesilat Harapan

KATEGORI	NAMA PASUKAN	NAMA PESERTA
Pra Tunas Harapan Puteri	Cemandir Fighter	Fathiya Ameena
Pra Tunas Harapan Putera	KSOF	Daeng Miqael
Tunas Harapan Puteri	PSB Singapura	Naureen Erina
Tunas Harapan Putera	Indera Pusaka	Muhd Izz Ziqry
Usia Dini Puteri	Usia Dini Puteri	Nur Haziqah
Usia Dini Putera	Sunda Asli PG	Aiman Arif

Juara Keseluruhan

KATEGORI	NAMA PASUKAN	NAMA PESERTA
Pra Remaja Puteri	KFJ	Ana Farhana
Pra Remaja Putera	STA Johor	Muhd Khairul Adam
Remaja Puteri	Gayong Pasak	Nurfarahdiya Erylnda
Remaja Putera	Usta Fighter	Darwish Fiqry
Sukma Puteri	Seni Golok	Nur Afifah
Sukma Putera	KSOF	Muhd Najmi



KATEGORI	NAMA PASUKAN	JUMLAH PINGAT
Sukma	Kelab Silat Olahraga Firastrri	8 Emas
Remaja	Perguruan Sendeng Belalang Singapura	5 Emas
Pra Remaja	Persatuan Silat Seni Golok Negeri Johor	6 Emas
Usia Dini	Perguruan Sendeng Belalang Singapura	6 Emas
Tunas Harapan		3 Emas, 6 Perak
Pra Tunas Harapan		5 Emas

NAMA PASUKAN	JUMLAH PINGAT
Perguruan Sendeng Belalang Singapura	25 Emas
Kelab Silat Olahraga Firastrri	17 Emas
Persatuan Silat Seni Golok Negeri Johor	12 Emas

PROGRAM JATI DIRI DAN SEDETIK BERSAMA DATUK BANDAR

BAGI PEGAWAI KUMPULAN B

Program yang dianjurkan pada 28 hingga 30 September 2023 ini melibatkan seramai 150 orang warga kerja yang terdiri daripada Gred 29 bagi semua jabatan, bahagian dan unit di MBPG lantikan tetap dan kontrak.

Program ini dianjurkan bertempat di Usima Forest Ayer Keroh, Melaka. Antara objektif penganjurannya ialah; Mewujudkan interaksi positif dalam kalangan warga kerja bagi membentuk semangat kerja secara kolaborasi, membolehkan peserta berinteraksi, membina hubungan baik, dan bekerja secara efektif di antara warga kerja untuk mencapai objektif yang sama dan menjadi *platform* khusus komunikasi dua hala antara pihak pengurusan tertinggi MBPG dan warga kerja MBPG.

Yang Berhormat Datuk Bandar, Dato Asman Shah bin Abd Rahman juga turut hadir dalam slot khas yang disediakan oleh penganjur iaitu dalam sesi 'Sedetik Bersama Datuk Bandar'. Dalam sesi ini, semua peserta diberi peluang dalam mengutarakan meluahkan atau memberikan sebarang pandangan, masalah dan lain-lain isu yang melibatkan pengurusan dan pentadbiran di jabatan masing-masing. Selain aktiviti yang melibatkan pengisian taklimat dan di dalam kelas, program ini turut diisi dengan pelbagai aktiviti luar yang menguji ketahanan fizikal peserta.

Semoga program yang dianjurkan ini mampu memberikan manfaat dan ilmu baharu, khusus dalam melahirkan warga kerja MBPG yang lebih cemerlang dan efisien dalam melaksanakan tugas dan memberikan perkhidmatan.



MBPG ANJUR PROGRAM

HARI KESIHATAN MENTAL SEDUNIA 2023

Bertemakan "Kesihatan Mental Milik Semua, Hentikan Stigma"

MBPG telah menganjurkan Program Hari Kesihatan Mental Sedunia (HKMS) yang disambut pada 22 Oktober 2023. Program ini dianjurkan bertujuan memberi kesedaran kepada komuniti Pasir Gudang mengenai kepentingan menjaga kesihatan mental serta cara untuk mendapatkan pertolongan sekiranya memerlukannya dan dapat menghakis stigma masyarakat terhadap pesakit yang mempunyai masalah kesihatan dan penyakit mental kerana stigma "membunuh" pesakit dan orang yang memerlukan bantuan dalam diam.

Antara agensi yang bersama-sama dalam menjayakan program ini ialah; Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Sultan Ismail Johor Bahru, Klinik Kesihatan Pasir Gudang (Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Klinik Gigi Dental Legacy, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Johor Bahru dan Hospital Penawar Pasir Gudang.

Pelbagai pengisian program telah dijalankan dan dianggarkan seramai 500 peserta telah hadir memeriahkan program ini yang terdiri daripada wakil Jawatankuasa 24 Zon, pelajar-pelajar sekolah dan pengunjung Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

Seramai 250 orang peserta kanak-kanak bagi tiga kategori telah memeriahkan pertandingan mewarna HKMS 2023. Seramai 100 orang daripada 20 agensi berbeza telah mengambil tempat dalam pertandingan *Explorace* yang dijalankan di dalam dan di sekitar Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang. Melalui pertandingan ini, para peserta didedahkan dengan lebih lanjut mengenai kesihatan mental melalui aktiviti-aktiviti yang berkaitan di setiap *checkpoint Explorace*. Demonstrasi WWE (*Where, When, De-Escalation*) Action telah dilaksanakan sewaktu sebelum majlis perasmian penutup dan mendapat sambutan orang ramai sewaktu demonstrasi ini berlaku. Demonstrasi ini menunjukkan cara menghadapi orang agresif di kawasan umum dengan cara yang betul dan selamat.

Selain itu, Sesi Bicara Santai Bersama Pakar oleh Dr. Maryam Amran, Pakar Psikiatri Hospital Permai Johor Bahru dan Cik Nur Marjanhanani binti Yahya, Pegawai Psikologi Klinikal Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Sultan Ismail Johor Bahru turut diadakan. Dalam sesi ini, para peserta telah didedahkan dengan punca-punca dan cara-cara mengatasi tekanan dalam kehidupan seharian serta kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Secara keseluruhannya, HKMS MBPG 2023 telah berlangsung dengan jayanya dan mencapai objektif yang diharapkan.





PROGRAM SARINGAN PEMERIKSAAN MATA

WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Majlis Bandaraya Pasir Gudang melalui Unit Klinik Majlis Bandaraya Pasir Gudang di bawah Jabatan Kesihatan Awam, Persekitaran dan Pelesenan dengan kolaborasi bersama Jabatan Oftalmologi Hospital Sultan Ismail Johor Bahru telah menganjurkan Program Saringan Pemeriksaan Mata, eksklusif bagi warga kerja yang berusia 35 tahun ke atas. Program telah dianjurkan bertempat di Ballroom Jingga Aras 3, Menara Aqabah pada 5 Oktober 2023 yang lalu.

Pemeriksaan dilaksanakan secara bersesi mengikut waktu yang ditetapkan melibatkan 291 orang warga kerja Majlis Bandaraya Pasir Gudang daripada semua jabatan, bahagian dan unit mengikut kumpulan pengambilan *Vision*, *Fundus Air Puff*, Konsultasi Doktor, Penyerahan Borang Temujanji dan *Simulation Quiz*. Perkongsian ilmu turut dikongsikan berkenaan "*Kecederaan Mata Di Tempat Kerja*" dan disampaikan oleh Yang Berbahagia Dr. Reena Kaur a/p Barbil Singh selaku Pakar Oftalmologi Hospital Sultan Ismail Johor Bahru kepada warga kerja yang terlibat.

Sekalung penghargaan kepada Jabatan Oftalmologi Hospital Sultan Ismail Johor Bahru di atas kesudian berkolaborasi bagi penganjuran program. Semoga melalui penganjuran program ini memberikan kesedaran kepada semua pihak tentang kepentingan pengamalan penjagaan kesihatan mata yang baik dan sewajarnya.

EDISI KHAS

SAMBUTAN ULANG TAHUN TEMASYA MBPG



Merupakan program tahunan anjuran Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan kali ketiga penganjurannya bagi tahun 2023 ini. Pelbagai aktiviti dan program-proram menarik telah diatur bemula 18 November hingga 26 November 2023.



MAJLIS PERASMIAN ULANG TAHUN TEMASYA MBPG 2023

• 25 NOVEMBER 2023

Majlis Perasmian telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Bandar, Datuk Asman Shah bin Abd Rahman, hadir sama memeriahkan majlis ialah ADUN Tiram, Yang Berhormat Tuan Haji Azizul bin Bachok, ADUN Permas, Yang Berhormat Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib, Ketua Whip MBPG, Yang Berbahagia Dato' Mohd Amin bin Ahmad, Ahli-ahli Majlis MBPG, Ketua-ketua masyarakat. Ketua-ketua bahagian, jabatan dan unit MBPG serta pegawai-pegawai MBPG. Majlis turut meraikan pemenang-pemenang Pertandingan Kebersihan 2023, anjuran Jabatan Kesihatan, Perbandaran dan Pelesenan serta pengiktirafan Pensijilan *Anti Bribery Management System* (ABMS) yang disampaikan oleh Yang Berbahagia, Puan Nur Fadhillah binti Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM QAS International Sdn. Bhd. kepada Yang Berhormat Datuk Bandar Pasir Gudang sambil disaksikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Azmi bin Haji Alias, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor.

Di akhir majlis, Yang Berhormat turut merasmikan Radio Rasmi MBPG yang diperkenalkan sebagai *Radio Dynamic Pasir Gudang* dengan slogan 'Menuju Gaya Hidup Digital'.





EDISI KHAS

**SAMBUTAN
ULANG TAHUN
TEMASYA MBPG**



MBPG CIPTA REKOD MALAYSIA BOOK OF RECORDS MEMBUAT 10,000 BIJI KUIH ONDE-ONDE

• 25 NOVEMBER 2023

National Record



This Is To Certify That

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

is listed in

THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS

for organising the

MOST 'ONDE-ONDE' MAKING IN AN EVENT

Total : 'Onde-Onde'

Date : November 25, 2023

Venue : Kawasan Parkir Muzium Layang, Taman Bandar Pasir Gudang, Johor

In conjunction with 'Majlis Pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang ke-3'

In collaboration with PUSPANITA MBPG for 'Persatuan Cinta Gaza Malaysia'



TAN SRI DATUK DANNY OOI
PSM, P.N.
Founder





DATO' SERI (DR) MICHAEL TIO
D.G.P.N. D.P.T.J., J.P.
Chief Executive Officer



Projek yang merupakan kerjasama antara MBPG bersama PUSPANITA MBPG telah berjaya dilaksanakan dengan bantuan 100 orang sukarelawan yang terdiri daripada ahli-ahli PUSPANITA MBPG serta ahli Persatuan Wanita Daerah Pasir Gudang (PERNITA). MBPG berjaya mencipta rekod melaksana dan menyiapkan 10,000 biji kuih Ode-Ode yang dirancang. Yang Berhormat Datuk Bandar bersama isteri, Yang Dihormati Datin Halimah binti Mohamed Rasip, selaku Pengerusi PUSPANITA MBPG turut hadir membantu menyiapkan kuih tersebut di khemah persiapan. Sejumlah RM6,800.00 telah dikumpul dari hasil jualan kuih Ode-Ode yang dibuat untuk disalurkan kepada Tabung Kemanusiaan Palestin. Penyampaian sijil pengiktirafan telah disampaikan oleh wakil dari *Malaysia Book of Records* semasa Majlis Perasmian Temasya diadakan.

Tahniah diucapkan kepada MBPG dan PUSPANITA MBPG atas pencapaian dan rekod pengiktirafan yang telah dicipta.



EDISI KHAS**SAMBUTAN
ULANG TAHUN
TEMASYA MBPG**

Pasir Gudang Berselawat

SEMPENA TEMASYA BANDARAYA PASIR GUDANG

• 24 NOVEMBER 2023

"Majlis Selawat Pasir Gudang" dihadiri seramai 500 warga Pasir Gudang yang turut menyaksikan dan mendengar keindahan selawat yang dilantunkan. Suara merdu Kumpulan Firqah Al-Masarrah yang mengalunkan selawat menjadikan malam tersebut sebagai suatu momen yang tidak akan dilupakan dalam Temasya Pasir Gudang ini.

Dengan bersyukur atas kehadiran dan keikhlasan kepada 500 orang yang hadir tidak hanya menjadi penonton, tetapi sebahagian dari harmoni yang diciptakan oleh Kumpulan Firqah Al-Masarrah. Di atas pentas, Ustaz Firdaus bin Sulaiman memberikan pencerahan rohaniah yang memikat hati hadirin. Kata-katanya mengalir seperti sungai ilmu yang membasahi setiap jiwa yang mendengarkannya.

Majlis Selawat Pasir Gudang menjadi suatu pengalaman yang menyatukan hati dan meninggalkan kenangan manis dalam setiap langkah perjalanan Temasya Pasir Gudang yang penuh keindahan.



Ceramah Air Mata Dan Darah Syurga PALESTIN

• 23 NOVEMBER 2023



Ceramah telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Ustaz Hanafiah bin Abd Razak dan Yang Berbahagia Dr. Mohd Nor Al-Sufi bin Romele. Yang Berbahagia Ustaz Ahmad Firdaus bin Nordin pula dijemput sebagai moderator dalam majlis ilmu ini. Membawakan tajuk 'Air Mata dan Darah Syurga Palestin', pengisian ceramah berkisar tentang penderitaan, kepayahan dan kelangsungan hidup rakyat Palestin yang kini dalam kesedihan dan penuh kesulitan ekoran peperangan yang sedang berlaku. Di akhir program, alunan doa yang dipimpin oleh Ustaz Hanafiah bin Abd Razak buat seluruh rakyat Palestin telah menerbitkan perasaan hiba dan sayu terhadap mereka yang sedang berjuang demi meneruskan kelangsungan hidup. Selain ceramah yang diadakan, program ini turut menyasarkan kutipan amal tabung Palestin kepada muslimin yang hadir.



EDISI KHAS**SAMBUTAN
ULANG TAHUN
TEMASYA MBPG****PELBAGAI AKTIVITI
DAN PROGRAM SUKAN**


Pelbagai aktiviti sukan telah diatur yang melibatkan komuniti 24 zon, juga pengunjung yang berkunjung ke temasya ini. Hadiah-hadiah menarik turut disediakan kepada peserta yang berjaya. Antara sukan yang dianjurkan ialah, Senamrobik *Fit & Fun*, Sukan Rakyat, Pertandingan Boling Komuniti, Pertandingan Memanah dan Pertandingan Sepakan Penalti.



LAIN-LAIN PROGRAM

Selain aktiviti utama dan pelbagai penganjuran program sukan, majlis temasya yang berlangsung selama 9 hari di Taman Bandar Bukit Layang-Layang ini dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti keilmuan dan pendidikan antaranya; *Bual bicara Pemindahan Ilmu* dari Peserta Kebun Komuniti yang dikongsikan kepada 100 orang peserta terdiri dari sekolah menengah sekitar Pasir Gudang, Program Kesedaran Literasi Sivil Rakan Taman, Aktiviti Mewarna Seramik, Pertandingan Mewarna, serta Demonstrasi Membuat Layang-layang.

Hampir 50 buah gerai turut disediakan dengan pelbagai jenis jualan termasuk Jualan Hasil Kebun daripada Kebun Komuniti Pasir Gudang serta Jualan Rahmah. Selain itu juga, pelbagai pameran turut dipamerkan, antaranya; Pameran *Smartcity* dan Pameran Agensi, pameran dan jualan seramik Pasir Gudang, pameran dan kaunter M.E.E.T @Rakyat anjuran Bahagian Korporat dan Pehubungan Awam, pameran dan saringan Kesihatan. Selain dipenuhi aktiviti keagamaan, penganjuran konsert, tayangan wayang pacak dan persembahan artis turut diadakan.



Ceramah **MENCINTAI** ALAM PEKERJAAN

Program ini telah dianjurkan bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah pada 15 November 2023 dan disertai hampir 300 warga kerja MBPG.

Ceramah selama 2 jam ini telah disampaikan oleh Dr. Haji Tengku Asmadi T. Mohamad, yang merupakan seorang penceramah bebas. Antara objektif ceramah ini dianjurkan ialah ; Memupuk sifat asas integriti di dalam diri warga kerja dan membudayakan nilai-nilai integriti dalam kalangan penjawat awam dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan, membentuk pemikiran yang positif, dan memberikan kesedaran nilai-nilai integriti dalam melaksanakan tugas seharian serta meningkatkan nilai kerja cemerlang dan pengurusan sahsiah sendiri serta melahirkan warga kerja yang bersifat holistik.





Tahniah

KUMPULAN TREES MBPG TERIMA ANUGERAH GOLD AWARD DI ICQCC BEIJING

Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada Kumpulan Trees daripada Majlis Bandaraya Pasir Gudang di atas kejayaan mendapat *Gold Award* di dalam *International Convention on Quality Control Circles 2023* di Beijing, China yang berlangsung pada 29 dan 30 Oktober 2023.

Seramai hampir 150 buah kumpulan dari pelbagai negara telah menyertai konvensyen edisi 2023 ini. Trees yang ditubuhkan pada 1 Julai 2010 terdiri daripada 5 orang ahli dan seorang fasilitator dan kesemua adalah warga kerja dari Bahagian Landskap, Jabatan Perancang dan Landskap.

Dengan membawa tajuk : *Kesilapan Memangkas Dahan-Dahan Oleh Kontraktor*, projek ini merupakan projek ke-9 yang telah diperkenalkan oleh kumpulan Trees. Penciptaan alat inovasi yang diberi nama IS-TREES (IS3) telah berfungsi sebagai alat untuk mengurangkan kesilapan semasa memotong dahan pokok. Dengan inovasi ini, masa, tenaga dan kos penyelenggaraan, akan dikurangkan dan terbukti apabila kumpulan ini telah berjaya mencapai sasaran dan objektif untuk mengelakkan berlakunya kesilapan berulang, serta mengekalkan kecantikan bentuk dan menjimatkan hampir RM50,000.00 setahun bagi kos penyelenggaraan.

Tahniah diucapkan kepada Kumpulan Trees dan semoga beroleh kejayaan di masa akan datang.

BENGGKEL PEMERKASAAN PEGAWAI PENYIASAT ADUAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG 2023

Bertempat di Amari Sky, Hotel Amari Johor Bahru, Bengkel Pemerksaan Pegawai Penyiasat Aduan telah diadakan pada 12 hingga 14 Disember yang lalu dan telah dihadiri oleh seramai 35 warga kerja MBPG. Diadakan bertujuan bagi memberi pendedahan dan kesedaran mengenai peranan dan fungsi Pegawai Penyiasat Aduan MBPG dalam menyiasat dan memberi maklum balas terhadap setiap aduan yang diterima.

Antara objektif penganjurannya pula; memberikan kesedaran mengenai akta-akta dan pekeliling yang terlibat dalam proses pengurusan aduan, memberikan kesedaran kepentingan mengurus dan memberi maklum balas setiap aduan yang diterima serta membantu Pegawai Penyiasat Aduan dalam merangka jawapan maklum balas terhadap setiap aduan yang diterima.

Antara pengisian bengkel ini selama 3 hari pula merangkumi pengenalan kursus, peranan dan fungsi pegawai penyiasat aduan, dan mengenali sistem SISPAA MBPG, taklimat penemuan audit dalam berkaitan pengurusan aduan, taklimat biro pengaduan awam serta teknik menjawab maklum balas dan status aduan.

Program ini telah berjaya mencapai objektif yang dikehendaki di mana para peserta memahami kehendak dan keperluan mematuhi *standard* pengurusan aduan. Selain itu, cadangan bagi melaksanakan lawatan penanda aras bagi mengenal pasti kaedah terkini dalam pengurusan aduan juga akan dilaksanakan oleh pihak urus setia.





PENGAUDITAN ABMS MBPG

MBPG kini sedang dalam proses terakhir permohonan Pensijilan *Anti Bribery Management System* (ABMS). 2 sesi pengauditan telah dijalankan pihak SIRIM QS International Sdn. Bhd. pada 10 hingga 12 Oktober 2023 dan pada 16 hingga 19 Oktober 2023.

Antara aktiviti yang dijalankan bagi permohonan ke arah persijilan ini ialah melaksanakan pre-audit dalam menentukan tahap persediaan sistem ABMS sebelum audit peringkat 2 dilaksanakan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Semakan terhadap Daftar Risiko Rasuah dan Peluang, kawalan semasa/kawalan tambahan berkaitan proses kerja yang meliputi 4 elemen utama ABMS. 6 penemuan audit bagi peluang penambahbaikan telah dikeluarkan berkaitan proses perolehan tender dan sebutharga, proses pengambilan kakitangan baharu, semakan fi permohonan merancang, risiko rasuah di tempat kerja, tiada pintu pagar di stor barang sitaan dan langkah kawalan bukan kewangan telah diberikan oleh juruaudit SIRIM untuk diambil perhatian dan dibuat penambahbaikan.

Manakala pada sesi kedua pula, konsultan telah membantu sepanjang proses pengauditan peringkat 1 dan 2 bersama pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi membantu pihak urus setia merangka tindakan penambahbaikan ke atas penemuan oleh pihak juruaudit SIRIM.

Diharapkan pengauditan yang berlangsung ini dapat melancarkan permohonan MBPG ke arah permohonan Pensijilan ABMS yang dijangka diperolehi selepas selesai kedua-dua sesi pengauditan ini.



PROGRAM HARI KESIHATAN WANITA 2023

ANJURAN PUSPANITA MBPG

Bersempena dengan “Hari Kesihatan Mental Sedunia”, MBPG melalui PUSPANITA MBPG telah menganjurkan Hari Kesihatan Wanita pada Pada 11 Oktober 2023 yang lalu bertempat di Ballroom Cempaka Jingga Aras 3, Menara Aqabah. Program yang dianjurkan ini adalah di bawah PUSPANITA MBPG dengan kerjasama Unit Klinik MBPG.

Seramai hampir 50 orang warga kerja wanita telah menyertai program yang dianjurkan. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan pengerusi PUSPANITA MBPG, Yang Dihormati Datin Halimah binti Mohamed Rasip, seterusnya program telah diatur dengan dua sesi aktiviti secara serentak iaitu Bengkel yang bertajuk: *Berjaya di Pejabat dan di Rumah; Bengkel Penyusuan Eksklusif bagi Ibu Bekerja* yang disampaikan oleh Puan Maslina Othman, Pegawai Sains (Pemakanan) C44, Klinik Kesihatan Pasir Gudang yang diadakan di Auditorium Dahlia, di aras yang sama. Seramai hampir 30 peserta yang terdiri sebagai ibu dan bakal ibu telah menyertai bengkel yang diadakan. Latihan secara teori dan pratikal turut dijalankan bagi memberikan kefahaman dan pendedahan yang lebih jelas kaedah penyusuan yang betul dan berkesan.

Manakala di Ballroom Cempaka Jingga berlangsung Ceramah Fiqh Wanita; Haid, Nifas Wiladah dan Istihadah dalam Islam oleh Ustazah Alindah Zaire, Pegawai Khidmat Nasihat, Pejabat Kadi Daerah Kulai.

Selain itu, terdapat juga *booth* pameran kesihatan wanita, antaranya berkaitan *Female Sexual Dysfunction, Family planning, Kanser Payudara* dan *Kanser Serviks* selain saringan kesihatan Pap Smear dan HPV DNA yang turut diadakan di aras 3, Menara Aqabah.

Program tamat pada jam 4.00 petang dengan sesi Penyampaian Cenderahati dan jamuan minum petang yang disediakan. Semoga melalui penganjuran program dapat memberi kesedaran dan peringatan penting kepada warga kerja wanita MBPG untuk sentiasa memberi perhatian terhadap penjagaan kesihatan diri.



PROGRAM KESEDARAN KENDIRI MENANGANI STRESS ANJURAN PUSPANITA MBPG

PUSPANITA MBPG dengan Kerjasama Pertubuhan Wanita Bumiputera Daerah Pasir Gudang telah menganjurkan program Kesedaran Kendiri Menangani *Stress* bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah pada 21 Disember 2023. Seramai hampir 120 peserta yang terdiri daripada kedua-dua ahli persatuan ini telah terlibat dalam program yang dianjurkan.

Antara objektif penganjuran program adalah;

- Menambahkan pengetahuan peserta untuk mengurus tekanan diri (*stress*) dengan berkesan melalui pemantapan kaedah pengurusan emosi dan kawalan minda bawah paras sedar dalam konteks organisasi, berkumpulan dan individu,
- Meningkatkan kemahiran peserta untuk mengesan, mengawal dan mengatasi tekanan dalaman diri serta meningkatkan fokus kawalan diri dan kemampuan mengawal minda bawah sedar dan memberi kesan positif kepada prestasi kerja.
- Mewujudkan persekitaran yang lebih positif di tempat kerja dan mengatasi tekanan dalam perhubungan dengan rakan sekerja melalui kemahiran dan kecerdasan emosi & kreativiti diri positif.
- Memantapkan kemahiran mengurus emosi diri dengan lebih baik dan menangani emosi orang lain dengan bijaksana sekaligus mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan kondusif.
- Mengawal, dan mengatasi perasaan negatif serta ketakutan, gugup dan gementar dalam diri.
- Mencari kekuatan diri dalam menghadapi apa jua cabaran dan dugaan dalam kehidupan.

Perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Dr. Zarina binti Zainan Abidin, Pakar Psikiatri dari KPJ Pasir Gudang yang mempunyai lebih 12 tahun pengalaman dalam bidang Psikologi. Hadir sama dalam program ini, Yang Dihormati Datin Halimah binti Mohd Rasip, Pengerusi PUSPANITA MBPG.





LAMAN INFO

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



LAPORKAN SALAH LAKU WARGA KERJA MBPG

Jenis-jenis Kesalahan Yang Boleh Dilaporkan :



RASUAH



TUNTUTAN
PALSU



SALAH GUNA
KUASA



KESALAHAN
TATATERTIB

SALURKAN ADUAN ANDA MELALUI :

IMBAS KOD QR



Walk-in

Bahagian Audit Dalam
& Integriti
Aras 18, Menara Aqabah,
Jalan Bandar,

Email

aduanintegriti.mbpbg@gmail.com

Surat / Dokumen

yang lengkap melalui penghantaran
secara pos,

"Atau hubungi Pegawai Integriti"

 **07-2547803**

**"Betulkan Yang Biasa,
Biasakan Yang Betul"**

PAUTAN INFORMASI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



www.mbpbg.gov.my



Majlis Bandaraya
Pasir Gudang



majlisbandarayapg_official



Saluran Aduan
SISPAA

